

**PERISTIWA BESAR UMAT ISLAM YANG TERJADI PADA 10
MUHARRAM**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ وَرَسُلِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Bulan Muharram merupakan salah satu antara bulan haram. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 36 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا
فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتْلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يَقْتُلُونَكُمْ
كَافَّةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ



Yang bermaksud: “*Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahawa hanya Allah beserta orang yang bertakwa.*”

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa setelah penciptaan langit dan bumi Allah Subhanahu wa-Ta’ala menciptakan bilangan bulan dalam setahun sebanyak 12 bulan. Dalam bulan-bulan tersebut terdapat 4 bulan yang diharamkan untuk berperang, salah satunya adalah bulan Muharram. Pada bulan Muharram Allah Subhanahu wa-Ta’ala mengharamkan umat Islam melakukan perbuatan yang dilarang, (membunuh, berperang). Imam Fakhrudin ar-Razi menjelaskan bahawa setiap perbuatan maksiat pada bulan haram akan mendapat seksa yang lebih dahsyat. Begitu pula sebaliknya, pelaksanaan ibadah kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala akan dilipatgandakan pahalanya. Beliau menyatakan:

وَمَعْنَى الْحَرَمِ: أَنَّ الْمَعْصِيَةَ فِيهَا أَشَدُّ عِقَابًا ، وَالطَّاعَةَ فِيهَا أَكْثَرُ ثَوَابًا

Yang bermaksud: “Maksud bulan haram itu adalah sesungguhnya kemaksiatan di bulan-bulan itu memperoleh seksa yang lebih berat dan ketaatan di bulan-bulan tersebut akan mendapat pahala yang lebih banyak.”

Bulan Muharram adalah waktu terbaik untuk meningkatkan kebaikan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Pada bulan Muharram ini terdapat hari yang istimewa, iaitu hari ‘Asyura (10 Muharram). Pada hari tersebut umat Islam disunatkan untuk berpuasa. Imam An-Nawawi menjelaskan sebuah hadis sahih riwayat Imam Muslim:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، فَوَجَدَ الْيَهُودَ يَصُومُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فَسُئِلُوا عَنْ ذَلِكَ؟ فَقَالُوا: هَذَا الْيَوْمُ الَّذِي أَظْهَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى، وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ، فَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَحْنُ أَوْلَى بِمُوسَى مِنْكُمْ فَأَمَرَ بِصَوْمِهِ

Dari Ibnu Abbas RA, beliau berkata: "Rasulullah sallallahu alaihi wasallam ke kota Madinah, kemudian Baginda mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari yang ke sepuluh bulan Muharram, kemudian mereka ditanya puasa tersebut, mereka menjawab: hari ini adalah hari yang diberikan kemenangan oleh Allah Subhanahu wa-Ta’ala kepada Nabi Musa alaihissalam dan Bani Israil ke atas Fir’aun, maka kami berpuasa untuk menghormati Nabi Musa. Kemudian Nabi bersabda: Kami (umat Islam) lebih utama memuliakan Nabi Musa berbanding kamu. Lalu Baginda memerintahkan berpuasa pada hari tersebut.”

Dalam riwayat lain, para sahabat kemudian bertanya kepada Nabi, bahawa hari ‘Asyura adalah hari yang dimuliakan oleh orang Yahudi dan Nasrani. Kemudian Nabi bersabda: *Insya Allah tahun hadapan kita berpuasa pada hari yang ke*

sembilan. Dari hadis tersebut, Imam As-Syafi'i berpendapat bahawa disunatkan berpuasa pada hari ke sembilan dan ke sepuluh dalam bulan Muharram.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Hari Asyura maksudnya adalah hari ke sepuluh bulan Muharram. Dalam kitab *Umdatul Qari' Syarah Sahih Bukhari* menyebutkan bahawa Allah Subhanahu wa-Ta'ala memuliakan hari ke sepuluh Muharram ini kerana terdapat sepuluh peristiwa besar berlaku kepada sepuluh orang Nabi, iaitu kemenangan Nabi Musa atas Fir'aun, berlabuhnya kapal Nabi Nuh, Nabi Yunus terselamat dan keluar dari perut ikan Nun, Allah Subhanahu wa-Ta'ala menerima taubat Nabi Adam dan Nabi Daud, Nabi Yusuf diselamatkan dari perigi, Nabi Isa dan Nabi Ibrahim dilahirkan, Nabi Yaakob dapat melihat kembali dan pada hari itu juga diberikan jaminan keampunan yang lalu dan akan datang kepada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam.

Para ulama menjelaskan terdapat juga beberapa peristiwa telah berlaku kepada para Nabi pada hari tersebut, iaitu diangkat Nabi Idris ke langit, sembuhnya Nabi Ayub dari penyakit dan pemasyhuran Nabi Sulaiman menjadi raja. Daripada beberapa kejadian tadi, hari 'Asyura adalah hari yang sangat istimewa. Dengan itu, perbanyakkanlah melakukan amal ibadah serta meninggalkan perbuatan maksiat.

Oleh itu, marilah kita berusaha untuk berubah ke arah yang lebih baik, khususnya kita bersama-sama mengeratkan persaudaraan sesama kita. Ingatlah! Bahawa perjuangan kita adalah untuk kepentingan ummah dan agama Islam, bukan mempertahankan kepentingan politik kepartian yang menyebabkan kita bertelagah sesama kita. Apabila kita menjadi lemah, mudahlah musuh-musuh Islam menghina dan menguasai bangsa, agama dan raja kita.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Yang bermaksud: “*Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلِكُمْ فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِىهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.